

# Kerajaan sasar 15 peratus pelajar jadi usahawan menjelang 2020

**PETALING JAYA** - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan 15 peratus pelajar menjadi usahawan ketika dalam pengajian menjelang 2020.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, lebih

60 peratus pelajar terlibat aktif dalam program dan aktiviti keusahawanan di institusi pengajian tinggi (IPT) pada 2016 dan tiga peratus daripadanya telah menjadi usahawan semasa masih dalam pengajian.

"Kita merujuk kepada rangka kerja yang kita

mahu pelajar kita bukan menjadi pencari kerja tetapi mereka perlu menjadi pencipta kerja," kata beliau kepada pembe-rita selepas melancarkan *Siswapreneur Showcase 2017* di sini semalam.

Beliau menarik perhatian bahawa program-

program keusahawanan yang dilaksanakan KPT di bawah Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 adalah untuk membolehkan mereka mencapai pendapatan sendiri semasa dalam pengajian

(an)

tiviti perniagaan.

Program *Siswapreneur Showcase* yang julung-julung kali diadakan itu

ialah antara inisiatif kerajaan yang dilaksanakan KPT di bawah Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 adalah untuk membolehkan mereka mencapai pendapatan sendiri semasa dalam pengajian melalui pelaksanaan projek keusahawanan dan ak-

tikan ilmu dan kemahiran apabila terlibat secara serius dalam bidang ini.

Program itu melibatkan lebih 50 usahawan pelajar daripada beberapa IPT seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Komuniti Tanjung Karang.